



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HJ. SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PELANCARAN PENYAMPAIAN BANTUAN SEKOLAH**  
**RENDAH SUMBANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA**  
**PERINGKAT PARLIMEN & DUN NEGERI MELAKA**  
**SESI AKADEMIK 2021**

**TARIKH:10 JANUARI 2021 (AHAD), MASA:11.00 PAGI**  
**DEWAN BESAR KAMPUNG PERMAI MACHAP UMBOO,**  
**ALOR GAJAH**



**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. HASIM BIN  
HASAN,  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI HJ. ABDUL  
GHAFAR BIN ATAN,  
EXCO JAWATANKUASA NEGERI  
PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN, ALAM SEKITAR;**

**YANG BERHORMAT DATUK NOOR EFFANDI BIN  
AHMAD,  
EXCO PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI,  
TEKNIKAL DAN VOKASIONAL, SAINS DAN INOVASI;**

**YANG BERHORMAT DATUK MUHAMMAD JAILANI BIN  
KHAMIS,  
EXCO PELANCONGAN, WARISAN DAN KEBUDAYAAN;**

**YANG BERHORMAT BARISAN EXCO KERAJAAN  
NEGERI;**

**YANG BERUSAHA PENGERUSI PENYELARAS  
PARLIMEN DAN DUN;**

**YANG BERBAHAGIA SAHIBUS SAMAAH DATUK WIRA  
HJ. ABDUL HALIM BIN TAWEL,  
MUFTI KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERUSAHA DR. MOHD AZAM BIN AHMAD,  
PENGARAH,  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUSA,  
PENGURUS BESAR, TABUNG AMANAH PENDIDIKAN  
NEGERI MELAKA;**

**SETERUSNYA, KETUA-KETUA JABATAN, BARISAN  
PARA GURU BESAR, RAKAN-RAKAN MEDIA, PARA IBU  
BAPA SERTA HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIKASIHI  
SEKALIAN;**

## **MUKADIMAH**

1. Apa Kabau semua? Saya harap semua yang berada di hadapan saya pada hari ini, berada dalam keadaan sihat walafiat, terhindar daripada wabak pandemik yang masih berleluasa di negara dan negeri kita khususnya.
2. Kalau ada yang tak pakai pelitup muka (*face mask*), saya mohon... pakailah, demi keselamatan nyawa saudara-saudari masing-masing.
3. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana pada pagi

yang berkat dan bermakna ini, tanggal 10 Januari 2021 bersamaan 26 Jamadilawal 1442 Hijriyyah, dengan izin-Nya, maka diperkenankan kita untuk hadir di Dewan Besar Kampung Permai Machap UMBOO, Alor Gajah sempena **Majlis Pelancaran Penyampaian Bantuan Sekolah Rendah Sumbangan Kerajaan Negeri Melaka Peringkat Parlimen dan DUN Negeri Melaka bagi Sesi Akademik 2021** kepada para pelajar yang terpilih.

4. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Tabung Amanah Pendidikan Negeri

Melaka (TAPEM), kerana telah menguruskan majlis ini dengan baik serta meneruskan legasi kesinambungan tradisi sejak tahun 2000 untuk membantu dan membela nasib para pelajar, terutamanya mereka yang memerlukan bantuan dan kurang berkemampuan untuk menampung perbelanjaan persekolahan.

5. Jika kita kaitkan dengan agama kita, Islam sangat menekankan kepada umatnya untuk sentiasa tolong-menolong sesama manusia, tak peduli apa suku, ras, dan agama seseorang itu.



6. Saya percaya, agama lain juga sentiasa melazimi perbuatan ini kerana masing-masing yakin jika kita bantu saudara kita, In Shaa Allah, rezeki kita juga akan sentiasa bertambah walau dari pelbagai sudut sekali pun.
  
7. Memetik daripada Hadis Riwayat Al-Bukhari, Rasulullah SAW bersabda, ***Sesiapa yang melaksanakan hajat saudaranya, maka Allah SWT akan melaksanakan hajatnya. Begitu juga, Sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang Muslim, maka Allah SWT akan melapangkan kesukarannya pada hari kiamat.***

8. Berdasarkan hadis ini, jelas menunjukkan betapa besarnya manfaat apabila kita membantu saudara kita. Dalam kata lain, saya percaya, bantuan seperti ini akan meningkatkan semangat dan motivasi para pelajar supaya lebih gigih dalam menuntut ilmu pada sesi akademik 2021 yang akan datang.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

### **MEMPERHEBAT INSTITUSI PENDIDIKAN**

9. Berdasarkan Laporan Belanjawan 2021 Negeri Melaka yang telah saya bentangkan tempoh hari, kita telah berusaha untuk memberi pelbagai insentif

kepada seluruh lapisan masyarakat antaranya insentif bagi **memperhebat institusi pendidikan** di mana program yang sedang kita laksanakan pada hari inilah, merupakan **satu daripada touch point Belanjawan 2021 Negeri Melaka.**

10. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pelaksanaan pelbagai program dan dasar pembangunan, termasuklah dalam bidang pendidikan.
11. Lebih-lebih lagi, kita telah pun genap 10 hari melangkah ke tahun baharu yang mana kita semua

sedia maklum, para pelajar akan memulakan sesi persekolahan bermula **20 Januari 2020** yakni pada hari Rabu akan datang. Itu pun, kita bergantung kepada situasi semasa Pandemik COVID-19.

12. Semuanya ini diharapkan mampu memberi manfaat kepada seluruh rakyat khususnya kepada para pelajar yang menjadi modal insan berkualiti Negeri Melaka pada masa hadapan.
13. Bagi merealisasikan hasrat dan membuktikan komitmen kerajaan terhadap pembangunan pendidikan dan kebajikan rakyat, kerajaan negeri

telah memperuntukkan sebanyak **RM 450,000.00** bagi memperhebat institusi pendidikan Melaka.

14. Untuk tujuan itu, seramai **3000 orang pelajar sekolah rendah daripada 28 DUN dan 6 kawasan parlimen** di seluruh Negeri Melaka, telah terpilih menerima bantuan ini. **Alhamdulillah, marilah kita beri tepukan paling gemuruh buat anak-anak bertuah Negeri Melaka ini!**

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

15. Pada petang ini sahaja, kerajaan negeri memberi bantuan kepada **530 orang pelajar sekolah rendah** dalam kawasan **Parlimen Alor Gajah** yang melibatkan pelajar **DUN Asahan seramai 166 orang, Machap Jaya 128 orang, Gadek 78 orang, Durian Tunggal 71 orang** dan **Rembia seramai 87 orang pelajar** yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak **RM 79,500.00**.
  
16. Bagi **23 DUN** yang lain, jangan risau... semuanya akan diberi secara berperingkat mengikut ketetapan waktu yang telah dijadualkan. In Shaa Allah.

17. Untuk makluman semua, Kerajaan Negeri Melaka telah memperuntukkan hampir **RM 300 juta** bagi produk Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) kepada anak-anak Melaka sejak dari tahun 2000 hingga kini. Antara jenis bantuan yang disalurkan ialah **Pembukaan SSPN-I kepada anak kelahiran Melaka berjumlah RM 189,370.00, Bantuan pelajar sekolah rendah berjumlah RM 10,503,362.00**, pinjaman wang pengajian tinggi berjumlah **RM 211,814,710.57** dan banyak lagi bantuan lain, jika nak sebut satu persatu akan mengambil masa yang lama ya.

18. Peruntukan ini bertujuan untuk membantu anak Melaka terutamanya golongan B40 bagi menyambung pengajian dan memastikan tiada istilah keciciran. Kerajaan negeri akan memastikan kesemua anak Melaka menerima manfaat ini sekali gus dapat sama-sama memperkasa institusi pendidikan sehingga ia bakal menggamit seantero dunia.
  
19. Inilah komitmen kerajaan yang sinonim dengan ikrar kami iaitu “**Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia**”. Ia jelas membuktikan keprihatinan kerajaan dalam membela dan



memperjuangkan nasib seluruh rakyat khususnya di negeri ini.

20. Kerajaan Negeri Melaka sentiasa meletakkan kepentingan pendidikan sebagai agenda utama dalam proses pembangunan dan transformasi negeri. Ini selari dengan hasrat untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai hub pendidikan yang tersohor di negara dan di rantau ini.
21. Sesungguhnya, pendidikan dan pengetahuan adalah prasyarat yang penting untuk setiap negara yang ingin mencapai kejayaan. Kekuatan dan ketahanan

sesebuah negara tersebut adalah berasaskan masyarakat yang berpendidikan dan berpengetahuan.

Tuan-tuan, puan-puan, saudara dan saudari sekalian,

22. Justeru, saya menyeru, para pelajar sekalian, teruskan usaha, tanamkan tekad, bina cita-cita, kuatkan semangat dan kukuhkan iltizam untuk terus memahat kejayaan yang lebih cemerlang dalam apa jua bidang yang dilakukan.

23. Pihak sekolah dan ibu bapa perlu melangkah sederap dan bergerak seiring, untuk menentukan kejayaan anak-anak. Sesungguhnya, pelajar pada hari ini merupakan aset paling berharga bagi negara kerana mereka adalah tiang negara dan bakal pemimpin pada masa hadapan.
  
24. Sebab itu...bimbingan dan dorongan dalam segenap aspek kehidupan dari peringkat awal amatlah penting. Pencapaian mereka dari segi akademik sahaja tidak memadai kerana pembangunan dan perkembangan yang tinggi dalam aspek keperibadian juga perlu diberi perhatian.

25. Sehubungan dengan itu, kita sama-sama berdo'a di samping berusaha agar dapat melahirkan ulat buku yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi seimbang perkembangannya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang seterusnya dilingkari ilmu duniawi dan ukhrawi.

## **PENUTUP**

26. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan selamat berjaya kepada para pelajar dalam pembelajaran untuk sesi akademik 2021 yang akan datang.

27. Harapan saya agar sekolah-sekolah di Negeri Melaka ini akan terus mencipta dan mengukir kejayaan dalam semua bidang yang sedang dan yang akan diceburi.
  
28. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pelancaran Penyampaian Bantuan Persekolahan Sekolah Rendah Sumbangan Kerajaan Negeri Melaka Peringkat Parlimen dan DUN Negeri Melaka Sesi Akademik 2021.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ